

JPA, SPA diarah segera isi kekosongan jawatan

Abdullah tidak mahu pelaksanaan projek RMK-9 tergendala

Oleh Nor Liza Ahmad dan Shamshul Azree Samshir

CYBERJAYA: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) diarah mengisi segera kekosongan jawatan kerajaan supaya projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dilaksanakan dengan cemerlang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata langkah mengisi kekosongan jawatan pentadbiran kerajaan membolehkan keupayaan mengawasi pelaksanaan projek RMK-9 dipertingkatkan.

"Arahan telah diberi supaya JPA dan SPA ambil tindakan secepat mungkin untuk isi jawatan kosong.

"Ini akan beri kebaikan menjayakan projek RMK-9. Ia juga dapat meningkatkan keupayaan mengawasi dan mengambil tahu apa yang sedang berlaku," katanya pada sidang media selepas merasmikan blok sayap timur Pusat Servis Teknologi Maklumat (IT) DHL (ITSC Cyberjaya), di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah Multimedia Development Corporation (MdeC), Tan Sri Abdul Halim Ali; Naib Presiden Kanan dan Ketua Pegawai Maklumat DHL Express Asia Pasifik; Nariman Karimi serta Pengarah Urusan DHL IT Services, Stephen McGuckin.

Mengikut maklumat laman web JPA, perangkaan sehingga 30 Jun tahun lalu menunjukkan ada 246,676 kekosongan jawatan direkodkan merangkumi agensi Persekutuan, Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sejumlah 1.3 juta jawatan diluluskan dalam semua jentera kerajaan dengan hanya sejuta diisi sehingga tarikh sama.


Perdana Menteri berkata, kekosongan jawatan dalam kerajaan mencapai beribu-ribu kakitangan dalam sektor pengurusan dan sokongan.

"Jawatan kosong itu besar... teresah kepada JPA untuk berbincang dengan pihak berkaitan atau kementerian," katanya.

Abdullah juga berkata, pengisian jawatan kosong boleh mengurangkan bebanan kerja kerana mendapat tenaga baru tambahan selain berkongsi bebanan tugas.

"Jika perlu latihan tertentu dan relevan secara langsung, maka ia perlu dilaksanakan," katanya.

Mengenai pemantauan BBPN ter-



TANDA RASMI: Abdullah merasmikan blok sayap timur Pusat Servis Teknologi Maklumat DHL (ITSC Cyberjaya), sambil diperhatikan Stephen McGuckin, di Cyberjaya semalam.

hadap pelaksanaan projek RMK-9, beliau berkata:

"Ia berjalan seperti biasa... Tadi (semalam) mesyuarat diadakan untuk kaji persediaan, rancangan dan sebagainya yang dibuat BBPN.

"Kita beri perhatian terutama pada projek yang dilaksanakan nanti di kawasan koridor baru pembangunan di utara, pantai timur, Sabah dan Johor. Ia membabitkan banyak kerajaan negeri," katanya.

Abdullah berkata, pembangunan projek yang dirancang akan membabitkan penyertaan lebih besar sektor swasta.

Selain itu, Abdullah berkata, Unit Penyelidikan Pelaksanaan (ICU) diarah mengemukakan laporan pelaksanaan projek yang merangkumi kesan sosial dan ekonomi serta keberkesanan projek terbabit.

"Kita tidak mahu dengar hanya laporan menyatakan projek telah dijalankan dan sekian banyak wang dibelanjakan... itu tidak mencukupi. Yang penting laporan penilaian kesan sosial dan ekonomi dibuat. Jadi,

kita boleh tahu sama ada projek itu benar-benar memberi faedah kepada rakyat," katanya.

Selain itu, kerajaan merancang meluaskan kawasan pertumbuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) ke selatan tanah air selaras usaha menggalakkan pertumbuhan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bertaraf dunia.

Abdullah berkata Malaysia kini

berada dalam fasa kedua perkembangan MSC dan dalam proses melancarkan di beberapa negeri lain.

Beliau berkata, pelaksanaan kawasan MSC telah diperluaskan ke utara iaitu di Bayan Baru, Pulau Pinang dan Kulim Hi-Tech Park di Kedah.

"Pelancaran MSC akan dikembangkan ke selatan, tetapi saya tidak boleh menjelaskan terperinci kerana ia akan menjadi persaingan di kalangan kerajaan negeri," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata Malaysia akan mengembangkan MSC Malaysia menerusi penubuhan bandaraya siber dan pusat siber serta melabur dalam prasarana kelas dunia di kawasan MSC serta memajukan industri ICT negara.

Katanya, Malaysia akan terus responsif kepada keperluan syarikat multinasional dengan menyediakan dasar menyokong, persekitaran kondusif dan insentif mengikut keperluan bagi menarik menarik mereka menjadikan Malaysia sebagai pangkalan operasi di rantau ini.

FAKTA NOMBOR

246,676

Kekosongan jawatan direkodkan sehingga 30 Jun tahun lalu

1 juta

Kekosongan jawatan diisi sehingga 30 Jun tahun lalu